

05/01/1999

MAB janji harga tiket berpatutan

Saufi Hamzah

MALAYSIA Airports Berhad (MAB) memberi jaminan harga tiket bagi menyaksikan Grand Prix Motosikal Malaysia 1999 di Litar Sepang pada 18 April ini, tidak akan membebankan.

Sebagai promoter acara berprestij itu, MAB akan berusaha menarik seberapa ramai penonton bagi memenuhi kira-kira 130,000 tempat duduk di litar bertaraf dunia itu, yang menjadi pembuka tirai Grand Prix Motosikal Dunia tahun ini.

Pengarah Acaranya, Hussin Ali, berkata jumlah penonton yang ramai menjadi faktor terpenting untuk memastikan kejayaan perlumbaan berkenaan.

"Saya yakin harga tiket kali ini tidak akan membebankan orang ramai. Malah, bagi menjamin jumlah penonton yang ramai, MAB akan hanya mengeluarkan tiket secara pakej, iaitu sah selama tiga hari, bukan lagi mengikut hari.

"Untuk itu, kami akan mengeluarkan tiket berharga RM100 untuk tempat duduk grandstand dan RM50 bagi kemasukan umum," katanya ketika dihubungi, semalam.

Hussin yang juga Pengurus Besar Sepang International Circuit Sdn Bhd berkata tiket akan mula dijual bulan depan, termasuk menerusi tempahan telefon atau internet.

Katanya, bagi memudahkan perjalanan penonton yang kebanyakannya tinggal di Kuala Lumpur, MAB sedang berbincang untuk menyediakan pengangkutan, kemungkinan berlepas dari Hentian Duta dan kemudian turun di Litar Sepang.

"Bagi penonton yang menggunakan kereta, mereka tidak perlu bimbang kerana kami menyediakan kira-kira 20,000 tempat letak kereta.

"Saya amat berharap orang ramai dapat datang menyaksikan perlumbaan dan dalam masa yang sama menikmati keunikan Litar Sepang."

Sementara itu, pelancaran rasmi litar berkenaan akan dibuat pada Mac ini dan dijangka dihadiri orang kuat Formula Satu (F-1), Bernie Ecclestone, dan beberapa pemandu handalan dunia.

"Kami sengaja memilih bulan itu kerana pemandu F-1 akan selesai berlumba di Melbourne untuk pembuka tirai kalendar 1999.

"MAB juga merancang menaja tiket penerbangan pemandu terbabit bagi membolehkan mereka menghadiri majlis pelancaran Litar Sepang."

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual merasmikan pembukaan litar berharga kira-kira RM286 juta itu.

Bagi MAB, perlumbaan Grand Prix Motosikal Malaysia 1999 adalah tahun ketiga mereka menjadi promoter tempatan manakala perlumbaan F1 pada 17 Oktober ini adalah julung kali mereka diberi kepercayaan mengendalikannya.

Sejak 1991, Malaysia terpilih mengendalikan perlumbaan grand prix motosikal dunia yang berlangsung selama tujuh tahun di Litar Shah Alam, kemudiannya beralih angin tahun lalu di Litar Pasir Gudang dan kali ini tiba giliran Litar Sepang.

(END)